



### Abstrak

- Penyelesaian kes siasatan cukai amat penting dalam memastikan hasil cukai sebenar dapat dikutip.
- Bagaimanapun, kajian lepas mendapati majoriti penyelesaian kes siasatan cukai melibatkan tempoh lebih lama daripada yang disarankan dan mengakibatkan kelewatan dalam kutipan cukai kebelakangan.
- Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada tempoh penyelesaian kes siasatan cukai.
- Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa struktur ke atas 4 pegawai atasan LHDNM.
- Hasil kajian mendapati bahawa empat faktor yang mempengaruhi tempoh penyelesaian kes siasatan cukai adalah kecekapan pegawai LHDNM, strategi penguatkuasaan, penalti cukai, dan teknik siasatan.
- Faktor undang-undang cukai pula tidak mempengaruhi tempoh penyelesaian kes siasatan cukai.
- Berdasarkan pemerhatian kajian lepas, kajian ini merupakan kajian pertama di Malaysia yang menggunakan responden dari kalangan pembuat dasar dan polisi siasatan cukai.

### Pernyataan Masalah

- Berdasarkan kajian Daud et al. (2018) dan Laporan Tahunan LHDNM, bilangan kes selesai disiasat bagi tempoh 2005 sehingga 2014 adalah sebanyak 8,138 kes dengan tambahan hasil negara sebanyak RM7,679.43 juta.

- Namun begitu, dalam tempoh yang sama, bilangan kes dan jumlah hasil dari cukai kebelakangan telah mengalami kemerosotan iaitu penurunan sebanyak 30 kes dan hasil cukai berkurang sebanyak RM218.56 juta.
- Kajian Daud et al. (2018) juga menunjukkan majoriti kes siasatan cukai syarikat diselesaikan melebihi 18 bulan dan tempoh ini tidak mengikut Rangka Kerja Siasatan Cukai (RKSC) 2007. Isu kes siasatan cukai melebihi tempoh ditetapkan memberi kesan kepada imej LHDNM tentang keupayaan merancang dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan siasatan cukai.

### Persoalan Kajian

- Mengapa siasatan cukai mengambil masa yang lama untuk diselesaikan? Adakah lima faktor iaitu faktor undang-undang cukai, kecekapan pegawai LHDNM, strategi penguatkuasaan, penalti cukai, dan teknik siasatan mempengaruhi tempoh penyelesaian kes siasatan cukai?
- Bagaimana LHDNM mengatasi masalah penguatkuasaan khususnya dalam mengenalpasti strategi untuk mengurangkan tempoh penyelesaian sesuatu kes siasatan cukai?

### Metodologi Kajian

- Kajian ini memberi fokus kepada pandangan pengurusan atasan LHDNM, khususnya yang terlibat dalam pembuatan dasar dan polisi siasatan cukai.
- Kajian ini menggunakan pendekatan persampelan tujuan (*purposive sampling*).

- Temu bual dijalankan ke atas empat responden iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan yang terdiri daripada pengarah-pengarah di Ibu Pejabat LHDNM dan pegawai yang mempunyai pengalaman dalam Jabatan Siasatan. Pemilihan responden berdasarkan hierarki tertinggi dan paling kerap terlibat dalam pembuatan keputusan berkaitan pemantauan, dasar dan polisi bagi aktiviti siasatan cukai.

### Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data



RAJAH 1: PROSES PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

\* Pemeriksaan semula dilakukan dan dibuat perbandingan dengan data mentah temu bual responden

\*\* Penyelidik menghubungi responden semula bagi pengesahan penemuan.

## Hasil Kajian

- Analisis temu bual dibahagikan mengikut lima faktor iaitu undang-undang cukai, kecekapan pegawai LHDNM, strategi penguatkuasaan, penalti dan teknik siasatan.

### FAKTOR 1: UNDANG-UNDANG CUKAI

- Kesemua responden **tidak bersetuju** dengan kenyataan bahawa faktor undang-undang cukai adalah faktor yang mempengaruhi tempoh kes siasatan diselesaikan.
- Masalah kurang kefahaman akta cukai dalam kalangan pembayar cukai atau ejen cukai telah diperincikan menerusi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh LHDNM dari masa ke masa.
- Sekiranya berlaku pertikaian antara LHDNM dan pembayar cukai mahupun ejen cukai, kes siasatan akan dihantar ke Pesuruhjaya Cukai bagi mendapatkan keputusan. Keputusan dibuat adalah dengan merujuk akta cukai.

### FAKTOR 2: KECEKAPAN PEGAWAI LHDNM

- Kesemua responden **bersetuju** bahawa kecekapan pegawai siasatan cukai merupakan faktor yang memberi kesan kepada tempoh kes diselesaikan.
- LHDNM perlu meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai dengan melaksanakan amalan bekerja secara kumpulan yang terdiri pegawai berpengalaman dan pegawai kurang berpengalaman. Bekerja di dalam kumpulan dapat mengatasi kekeliruan di dalam membuat keputusan yang dibuat oleh pegawai siasatan terhadap sesuatu kes sekaligus membantu mempercepatkan kes diselesaikan.

### FAKTOR 3: STRATEGI PENGUATKUASAAN

- Kesemua responden **bersetuju** bahawa strategi penguatkuasaan perlu digunakan sebagai salah satu langkah mengatasi masalah tempoh penyelesaian kes dan perlu dilaksanakan secara teratur, khususnya bagi mendapatkan maklumat dan dokumen pembayar cukai.

- Kesemua responden juga bersetuju bahawa siasatan jenayah masih merupakan penguatkuasaan yang berkesan untuk mengekang pengelakan cukai.
- Bagi mengurangkan tempoh penyelesaian kes disiasat, kerjasama pembayar cukai di dalam mengemukakan dokumen perlu dilakukan dengan menambah peruntukan di dalam akta mahupun ditegaskan di dalam RKSC.

### FAKTOR 4: PENALTI CUKAI

- Kesemua responden **bersetuju** bahawa penalti merupakan kaedah penguatkuasaan yang paling berkesan di dalam mempercepatkan tempoh kes siasatan diselesaikan.
- Strategi LHDNM bagi mengatasi masalah tempoh kes diselesaikan adalah dengan mempermudah sistem penalti yang dikenakan. Pengenaan penalti semasa yang ditentukan berdasarkan tempoh penyelesaian dan tempoh ansuran yang dipohon perlu ditambahbaik.

### FAKTOR 5: TEKNIK SIASATAN

- Responden menyatakan teknik siasatan cukai **sangat mempengaruhi** tempoh kes diselesaikan.
- Ketidakecakapan menggunakan teknik siasatan sama ada semakan akaun atau penyata modal akan menyebabkan penyelesaian kes tidak dipersetujui oleh pembayar cukai atau ejen cukai.
- Bantuan teknologi komputer bagi mendapatkan bukti secara digital perlu ditekankan supaya usaha mengenalpasti isu pengelakan cukai dapat dipercepatkan

## Perbincangan

- Aktiviti siasatan cukai perlu mematuhi RKSC dan peruntukan akta sedia ada. Jabatan siasatan juga perlu kerap menyalurkan maklumat bagi sebarang isu teknikal dan isu pengelakan cukai lain kepada setiap pegawai siasatan untuk rujukan.
- Tanggungjawab meningkatkan kecekapan pegawai siasatan memerlukan perhatian pihak atasan bagi memastikan kecekapan pegawai berada pada tahap yang tinggi. Ketua Kumpulan perlu berkongsi idea, data serta membuat keputusan yang jitu bagi mengelak sebarang kelewatan penyelesaian kes.
- LHDNM memerlukan menambahbaik RKSC bagi meningkatkan kepercayaan orang awam ke atas aktiviti siasatan cukai yang dilaksanakan oleh LHDNM.
- Strategi penguatkuasaan siasatan cukai LHDNM dengan menggunakan teknik siasatan sedia ada perlu setaraf dengan pentadbir cukai negara lain bagi menghalang pertikaian di antara pembayar cukai mahupun ejen cukai.
- LHDNM perlu menambahbaik kaedah pelaksanaan pengenaan penalti bagi mempercepatkan kes diselesaikan dan pada masa yang sama tidak membebankan pembayar cukai.

## Kesimpulan

- Kecekapan pegawai, strategi penguatkuasaan, penalti dan teknik siasatan merupakan faktor yang mempengaruhi tempoh kes siasatan diselesaikan. Manakala, faktor undang-undang tidak mempengaruhi tempoh kes diselesaikan.
- Hasil kajian ini memberi sumbangan kepada LHDNM dalam meneruskan pemantauan ke atas strategi dan pelan tindakan untuk mengekang kelewatan kes disiasat selesai serta bermanfaat kepada pembuat dasar di dalam menyusun semula pengurusan sumber manusia serta prosedur kerja untuk aktiviti siasatan cukai.